### Definisi Operasi:

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima pada tahun semasa. Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

**i. Sistem ePerolehan:**

Daripada tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80).

**ii. Sistem iGFMAS:**

Daripada tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80).

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

### Justifikasi:

i. Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi pengurusan pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

**Numerator:** Bilangan bil yang tidak melebihi 7 hari

**Denominator:** Jumlah keseluruhan bil

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui sistem iGFMAS secara sukuan yang perlu dicetak oleh institusi dan dimuat naik ke dalam Sistem PERSIST adalah seperti berikut:

Sukuan 1: 1 Januari – 23 Mac

Sukuan 2: 1 Januari – 22 Jun

Sukuan 3: 1 Januari – 21 September

Sukuan 4: 1 Januari – 14 Disember



# KPI 10:

## Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

Bagi institusi yang mempunyai situasi seperti di bawah secara automatik **TIDAK** akan divalidasi:

1. Institusi yang mempunyai bil melebihi 14 hari kerana telah melanggar AP103(a) kecuali institusi mempunyai justifikasi yang kukuh dan justifikasi tersebut telah diterima oleh pihak kementerian. Dokumen bukti yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut:
  - a. Surat justifikasi kelewatan institusi bersama dokumen sokongan yang dihantar ke kementerian; dan
  - b. Surat jawapan dari kementerian berkaitan justifikasi tersebut.
2. Institusi yang tidak memuat naik laporan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

### Dokumen Bukti:

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui Sistem iGFMAS

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di institusi

### Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	100%	99.35%
2019	100%	99.65%
2020	100%	99.42%
2021	95%	98.13%
2022	95%	99.05%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

### Pemilik Proses:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

# KPI 11:

## Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

### TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

#### Objektif Strategik:

3.1 Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan.

#### Definisi Operasi:

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan; atau
- ii. Pensyarah teras bidang yang mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional.

Catatan:

- a. Pensyarah teras bidang:
  - i. Di politeknik – adalah pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
  - ii. Di kolej komuniti – adalah penyandang waran perjawatan “Pensyarah” dan bukannya “Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat” mahu pun “Pensyarah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Agama sahaja”.
- b. Kelayakan profesional/sijil profesional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- c. Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- d. Sijil Profesional adalah bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

#### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
40%	40%	40%	40%	40%	40%	40%

#### Justifikasi:

- i. Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi.
- ii. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) peringkat Aktiviti (Activity Performance Management Framework - APMF).

# KPI 11:

## Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung pencapaian KPI ini adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

**Numerator:** Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan

**Denominator:** Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun dalam tahun berkaitan

### Dokumen Bukti:

Pegawai Latihan perlu menyediakan dokumen bukti seperti jadual di bawah ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSIST) yang disediakan oleh Pemilik Proses.

BIL	DEFINSI OPERASI	DOKUMEN BUKTI
1.	Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan	Sijil SIP/Surat Tamat LSI
2.	Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional	Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa

Seterusnya Penyelaras KPI hanya perlu memuat naik Rumusan Pencapaian KPI Pemerkasaan Bakat Mengikut Institusi yang telah disediakan oleh Pegawai Latihan Institusi ke dalam Sistem PERSIST.

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan
- Kolej komuniti: Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

# KPI 11:

## Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

### Trend Pencapaian:

Penyataan KPI ini merupakan penyataan yang baharu dimurnikan dan diguna pakai mulai tahun 2021. Untuk tahun sebelum ini, penyataannya adalah "Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa". Sasaran dan pencapaian bagi KPI ini pada tahun terdahulu adalah seperti berikut:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	5%	4.85%
2019	5%	10.46%
2020	3.5%	12.55%
2021	30%	32.00%
2022	35%	33.22%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

### Pemilik Proses:

Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK)

# KPI 12:

## Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

### TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

#### Objektif Strategik:

5.1 Memperkukuh jaringan industri-institusi.

#### Definisi Operasi:

Industri bermaksud organisasi luar selain politeknik/kolej komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara.

Industri yang berkolaborasi digalakkan mempunyai dokumen kolaborasi bersama institusi.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti yang berikut:

1. Program perkongsian ilmu oleh CEO@PolyCC yang dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi; atau
2. Pelaksanaan program Work Based Learning (WBL); atau
3. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti COT/Inkubator; atau,
4. Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/pensijilan profesional kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan industri/pensijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos ditanggung institusi; atau
5. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PdP/sumbangan peralatan memudahkan PdP/sumbangan peralatan umum/basiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan *one-off* pelajar atau pensyarah/perkongsian peralatan PdP/perkongsian peralatan memudahkan PdP/perkongsian peralatan umum/perkongsian tempat program; atau
6. Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
  - a. Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
  - b. Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau
  - c. Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI; atau
7. Penempatan pekerjaan bakal graduan politeknik/kolej komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan sekurang-kurangnya berdasarkan Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Kedua (2020):
  - a. Ijazah: RM2,460.00
  - b. Diploma: RM2,020.00
  - c. Sijil: RM1,700.00; atau
8. Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) bersama industri merujuk kepada kerjasama industri dan institusi yang melibatkan R&D&C&I dalam penghasilan produk/perkhidmatan yang berpotensi untuk dikomersialkan; atau
9. Penganjuran Focus Group Dialogue di peringkat kebangsaan dengan kerjasama industri; atau
10. Pensyarah mengikuti Program Sangkutan di Industri; atau
11. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) baharu, iaitu, perlantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik/Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu/penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) atau menganjurkan satu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri yang dipengerusikan oleh Pengerusi JPI (Industri) yang telah dilantik.

# KPI 12:

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

## Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
350	6	4	3	4	2	1

Nota:

Sasaran bagi PSS, PBU, PJK, PBD dan PTS adalah mengikut sasaran kategori Politeknik METrO.

## Justifikasi:

- Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) - Fokus Kedua: Memperkukuh Pemangkin Pertumbuhan.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) - Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti.

## Kaedah Pengukuran:

Pengukuran adalah berdasarkan pengiraan bilangan industri.

## Dokumen Bukti:

- Laporan Pelaksanaan Aktiviti Kolaborasi Impak tinggi (bagi Aktiviti 1 -10).
- Laporan Maklumat JPI, sijil pelantikan JPI oleh Ketua Pengarah JPPKK atau Minit Mesyuarat (bagi Aktiviti 11).

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Ketua Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC)
- Kolej komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA)

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	400	578
2019	300	449
2020	150	323
2021	150	435
2022	300	479*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

## Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti

# KPI 12:

## Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

### Templat Dokumen Bukti

#### LAPORAN PELAKSANAAN AKTIVITI KOLABORASI IMPAK TINGGI

NAMA INSTITUSI		
NAMA PROGRAM		
KATEGORI PROGRAM	Kategori	Tandakan
<i>(Mohon tandakan yang berkenaan sahaja)</i>	1. Program perkongsian ilmu oleh CEO@PolyCC yang dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi Contoh Dokumen Bukti: Sijil Lantikan CEO@PolyCC & Laporan Program	√
	2. Pelaksanaan program Work Based Learning (WBL); Contoh Dokumen Bukti: Surat tawaran WBL	
	3. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan (eg. COT/Inkubator) Contoh Dokumen Bukti: Surat/Laporan/CoC Kerjasama bersama industri yang menjana pendapatan & Penyata Kewangan	
	4. Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/profesional kepada pelajar/pensyarah Contoh Dokumen Bukti: Sijil Kompetensi/Nilai Tajaan	
	5. Sumbangan atau perkongsian peralatan Contoh Dokumen Bukti: Surat Bukti Sumbangan/Nilai Sumbangan/Surat Persetujuan Perkongsian Peralatan	
	6. Latihan Industri Berstruktur (LIB) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi: a) Pelaksanaan <i>value added training</i> kepada pelajar sebelum LIB dilaksanakan + tawaran pekerjaan; atau, b) Pelaksanaan <i>value added training</i> sahaja kepada pelajar sebelum LIB dilaksanakan; atau, c) Penawaran pekerjaan sahaja selepas tamat LIB Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran LIB/Surat Tawaran Pekerjaan	
	7. Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran Penempatan Pekerjaan (Surat Tawaran Tahun Semasa)	
	8. <i>Research &amp; Development</i> bersama industri yang melibatkan penghasilan produk/servis Contoh Dokumen Bukti: Laporan R&D bersama Industri	
	9. Penganjuran <i>Focus Group Dialogue</i> di peringkat kebangsaan dengan kerjasama industri Contoh Dokumen Bukti: Laporan Program	
	10. Pensyarah mengikuti Program Sangkutan di Industri yang mempunyai dokumen jalinan kolaborasi Contoh Dokumen Bukti: Surat Tawaran SIP	

# KPI 12:

## Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

### Templat Dokumen Bukti

	11. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) baharu tahun semasa atau menganjurkan satu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri yang dipengerusikan oleh Pengerusi JPI (Industri) yang telah dilantik Contoh Dokumen Bukti: Sijil Lantikan IAC/Minit Mesyuarat IAC					
<b>LATAR BELAKANG/ MAKLUMAT PROGRAM</b>  <i>(Seperti - Pengenalan ringkas, objektif, pelaksanaan, penglibatan pelajar/staf, kos yang ditaja/peralatan yang disumbang/dikongsi/ pekerjaan &amp; gaji yang ditawarkan/produk yang dihasilkan)</i>						
<b>LATAR BELAKANG JK PENASIHAT INDUSTRI</b> (untuk kategori 10 sahaja)	BIL.	NAMA	JAWATAN	SYARIKAT & ALAMAT	BIDANG PERNIAGAAN	BILANGAN PEKERJA
<b>TARIKH PROGRAM</b>						
<b>TEMPAT PROGRAM</b>						
<b>NAMA INDUSTRI TERLIBAT</b>  <i>(Mohon sertakan Nama &amp; Alamat Penuh Syarikat)</i>						
<b>JENIS INDUSTRI</b>	<input type="checkbox"/> MNC	<input type="checkbox"/> SME	<input type="checkbox"/> GLC	<input type="checkbox"/> Lain-lain		



# KPI 12:

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

## Templat Dokumen Bukti

<b>INSTITUSI LAIN YANG TERLIBAT</b> <i>(Sekiranya ada)</i>	
<b>IMPAK PROGRAM</b> <i>(Kepada institusi/staf/ pelajar/kurikulum/lain-lain)</i>	
<b>GAMBAR BERKAITAN</b> <i>(Tidak melebihi 3 gambar)</i>	

Disediakan oleh:

\_\_\_\_\_

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_

**Nota:**

*\*Pengesahan boleh dibuat oleh Pengarah/Timbangan Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Unit/Ketua Program.*

# KPI 13:

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa

## TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Objektif Strategik:

6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

### Definisi Operasi:

Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu merangkumi elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan dan perbincangan serta kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu berwasit yang bermaksud setiap kertas penyelidikan yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit. Antara hasil penyelidikan adalah merangkumi kluster Kejuruteraan, Teknologi, Perkhidmatan, Digital, Sains Sosial, dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diterbitkan pada tahun semasa.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
880	30	25	5	5	2	1

Nota:

1. Sasaran bagi PBS, PBU, PHT, PJK, PKT, PMJ, PMK, PSS dan PTSN adalah tujuh (7) kertas penyelidikan.
2. Sasaran bagi PBD, PBT dan PTS adalah 3 kertas penyelidikan.

### Justifikasi:

i. Sasaran KPI ini merujuk kepada kategori politeknik dan kolej komuniti.

### Kaedah Pengukuran:

i. Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan sama ada di dalam *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa.

### Dokumen Bukti:

Dokumen bukti bagi satu (1) kertas penyelidikan penuh mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- a. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa;
- b. Muka depan *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding;
- c. Maklumat kertas penyelidikan:
  - i. Isi kandungan tajuk penyelidikan; dan
  - ii. No. DOI./No. ISBN/e-ISBN/ISSN/URL bagi terbitan secara dalam talian).

\*Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

Catatan:

1. Sekiranya berlaku perpindahan pensyarah dari satu institusi ke institusi yang lain. Kertas penyelidikan yang dimuat naik akan dikira di bawah institusi yang asal sebelum perpindahan.
2. Penyelaras tidak perlu memuat naik satu buku sama ada *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding untuk tujuan dokumen bukti. Penyelaras perlu memuat naik kertas penyelidikan milik pensyarah institusi masing-masing sahaja.

# KPI 13:

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa

**Pelaporan melalui Sistem PERSIST:**

Penyelaras KPI di institusi

**Pegawai Bertanggungjawab:**

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di institusi

**Trend Pencapaian:**

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	880	1,062
2020	226	686
2021	620	1,086
2022	620	464*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

**Pemilik Proses:**

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

# KPI 14:

## Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

### TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

#### Objektif Strategik:

6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

#### Definisi Operasi:

Bilangan produk inovasi/perkhidmatan yang berjaya diaplikasikan (*solution provider*) dalam kalangan institusi atau di institusi luar pada tahun semasa.

1. Dalam kalangan institusi: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di politeknik atau kolej komuniti lain. Contoh: Produk/perkhidmatan dihasilkan di Politeknik/Kolej Komuniti A, perlu diaplikasikan di Politeknik/Kolej Komuniti B.
2. Institusi luar: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di industri/agensi/jabatan/komuniti selain daripada politeknik dan kolej komuniti.

#### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
80	3	1	1	1	ITT	ITT

Nota:

ITT: Institusi Tidak Terlibat.

#### Justifikasi:

- i. Pembangunan ekosistem inovasi boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Politeknik dan kolej komuniti perlu meningkatkan momentum untuk membangunkan produk inovasi yang boleh diaplikasikan kepada industri/agensi/jabatan/komuniti.

#### Kaedah Pengukuran:

- i. Bilangan produk/perkhidmatan yang dihasilkan itu boleh diaplikasikan (*solution provider*) dan telah didaftarkan Perlindungan Harta Intelek oleh KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti pada tahun semasa.
- ii. Produk/perkhidmatan yang telah diaplikasikan dan didaftarkan perlindungan harta intelek pada tahun sebelumnya tidak boleh digunakan untuk tahun berikutnya.

#### Dokumen Bukti:

- i. Surat Pengesahan diaplikasi dari KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti berkaitan produk inovasi yang diaplikasi/*solution provider* pada tahun semasa.
- ii. Notis pemberitahuan hak cipta/*copyright notification notice* atau sijil pemfailan atau surat perlindungan harta intelek (paten/pembaharuan utiliti/hak cipta/cap dagang/rekabentuk perindustrian/petunjuk geografi) atau carian dan pemfailan dalam talian MyIPO/MYIPO *online search and filling* pada tahun semasa.

# KPI 14:

## Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di institusi

### Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	400	301
2019	72	97
2020	58	67
2021	58	78
2022	75	52*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

### Pemilik Proses:

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI)

# KPI 15:

## Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa

### TERAS 7: MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

#### Objektif Strategik:

7.1 Melahirkan komuniti berkemahiran.

#### Definisi Operasi:

Bilangan penyertaan program PSH di politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

#### Politeknik:

Kategori peserta PSH:

Kategori	Keterangan
Industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyertaan dari industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan profesional dan industri/agensi luar negara.</li> <li>• Agensi awam atau kementerian selain dari Kementerian Pengajian Tinggi yang menggunakan peruntukan kerajaan boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li> </ul>
Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat/orang awam.</li> </ul>
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS</li> <li>• Penyertaan pelajar politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pelajar politeknik melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li> </ul>
Pensyarah/staf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyertaan dari pensyarah/staf politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pensyarah/staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li> </ul>

#### Kolej komuniti:

- Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- Kumpulan sasaran: belia, golongan B40, ibu tunggal, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Asli.

#### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
175,000	850	750	500	Sasaran setiap Kolej Komuniti akan diedarkan pada Sukuan 1 tahun 2023.		

#### Justifikasi:

**Kolej komuniti:** Penetapan sasaran adalah mengikut waran perjawatan PPPT DH, enrolmen pelajar sepenuh masa dan kapasiti kolej komuniti pada Januari 2023 (kekal sehingga Disember 2023). Justifikasi sasaran adalah seperti berikut:

# KPI 15:

## Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa

### Kategori A:

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti tidak mencapai 100%.

$$\text{KPI} = \text{bil. penyertaan}^1 \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% + \left( 100\% - \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% \right) \right)$$

### Kategori B:

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti mencapai 100% tetapi tidak melebihi 200%.

$$\text{KPI} = \text{bil. penyertaan}^1 \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

### Kategori C:

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti mencapai 200%.

### Kategori D:

Nisbah enrolmen pelajar sepenuh masa kepada kapasiti  $\times$  bil. penyertaan  $\times$  waran PPPT kurang daripada 200 penyertaan.

### Kategori E:

Kolej komuniti baharu yang hanya menjalankan PSH (tiada pengambilan pelajar sepenuh masa).

$$\text{KPI} = \text{bil. penyertaan}^1 \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

Penetapan KPI minimum penyertaan PSH : 200 penyertaan

### Kategori F :

Kolej komuniti yang tiada enrolmen pelajar sepenuh masa pada tahun 2022.

$$\text{KPI} = \text{bil. penyertaan}^1 \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

Penambahan 20% sasaran penyertaan berdasarkan KPI PSH 2022

## Kaedah Pengukuran:

### Politeknik:

Bilangan penyertaan PSH politeknik adalah 25,000 dengan mengambil kira program berikut:

- a. Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 (4IR).
  - i. Penyertaan dalam program PSH bercirikan Revolusi Industri. Teras 4IR:
    - *Internet of things* (IoT)
    - *Simulation* - kecerdikan buatan (AI)
    - *Big data*
    - *Autonomous robots*
    - *Cybersecurity*
    - *Cloud computing*
    - *Additive manufacturing*
    - *Augmented reality*
    - *System (horizontal and vertical) integration*

<sup>1</sup>Bilangan penyertaan merupakan pemboleh ubah purata bilangan penyertaan per pensyarah dengan sasaran minimum jabatan 150,000 penyertaan.

# KPI 15:

## Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa

- ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan
    - PSH (2,500 penyertaan)
  - iii. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:
    - Politeknik Premier/APACC : 85 penyertaan
    - Politeknik Konvensional : 75 penyertaan
    - Politeknik METrO : 50 penyertaan
- b. Program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*)
- i. Penyertaan dalam program PSH yang dilaksanakan secara dalam talian (*online*).
  - ii. Sasaran: 10% penyertaan daripada jumlah sasaran penyertaan PSH (2,500 penyertaan)
  - iii. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:
    - Politeknik Premier/APACC : 85 penyertaan
    - Politeknik Konvensional : 75 penyertaan
    - Politeknik METrO : 50 penyertaan

### Kolej Komuniti:

Bilangan penyertaan PSH kolej komuniti adalah 150,000 dengan mengambil kira program/aktiviti berikut:

- a. Peserta program keusahawanan PSH kolej komuniti yang berjaya menjana pendapatan:
  - i. peserta yang menyertai program PSH dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dan berjaya menjana pendapatan.
  - ii. Sasaran: 80%
- b. Program PSH bercirikan teknologi digital.<sup>2</sup>
  - i. Pengukuran berdasarkan trend pencapaian bagi tiga (3) tahun terdahulu bagi program/kursus bercirikan teknologi digital.
  - ii. Sasaran: 2,000 program
- c. Program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar.
  - i. Program PSH yang dijalankan secara bekerjasama dengan pihak luar selain kolej komuniti seperti industri, agensi awam, agensi swasta, Non-Government Organization (NGO), badan profesional dan industri/agensi luar negara memberi manfaat kepada program PSH, institusi dan komuniti. Antara skop kerjasama adalah seperti yang berikut:
    - penglibatan peserta;
    - perkongsian ilmu dan kepakaran;
    - sumbangan/pemberian penajaan; dan
    - sumbangan atau perkongsian peralatan atau kemudahan.
  - ii. Sasaran: 1,000 kolaborasi
- d. Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)
  - i. PISH merupakan inisiatif yang menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama Islam. Dua (2) aspirasi pernyataan Pelan Induk PISH 2017 – 2025 iaitu:
    - semua pelajar tahfiz dan pondok perlu diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan; dan
    - semua umat Islam mendapat peluang yang luas untuk mengikuti PISH.
  - ii. Sasaran: 1,200 program

<sup>2</sup> Teknologi digital adalah peralatan elektronik, sistem, peranti dan sumber yang boleh menghasilkan, menyimpan dan memproses data seperti media sosial, permainan komputer, multimedia dan telefon bimbit. Antara program/kursus bercirikan teknologi digital adalah seperti pembangunan laman sesawang dan perniagaan dan keusahawanan e-dagang melalui aplikasi media sosial seperti Facebook Ads, Whatsapp for Business dan Shopee.



# KPI 15:

## Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa

### e. PSH Bermodul (Kredit)

- i. PSH Bermodul (Kredit) merupakan modul pembelajaran masa depan pendidikan tinggi negara yang berkonsepkan pendidikan fleksibel berasaskan proses kerja sebenar merangkumi kompetensi teknikal, pengetahuan dan sosial. Program ini menyediakan akses kepada semua lapisan masyarakat dan menyediakan alternatif pembelajaran sama ada secara berdiri dengan sendirinya (*standalone*) atau secara berturutan (*stackable*) menggunakan pakej lengkap modul kemahiran PSH Bermodul. PSH Bermodul (Kredit) membuka peluang untuk permohonan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) iaitu:
  - APEL for Admission (APEL-A) bagi kemasukan ke institusi pengajian awam/swasta; dan
  - APEL for Credit Transfer (APEL-C) bagi perpindahan kredit.
- ii. Sasaran: 120 peserta

Perincian program/aktiviti dari item a – e akan diedarkan oleh Bahagian Kurikulum (BK) dan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN) pada sukuan pertama bagi tahun 2023.

### Dokumen Bukti:

#### Politeknik:

- Laporan Pelaksanaan PSH Politeknik yang dijana daripada sistem ePSH oleh Unit Pelaksanaan PSH Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti.

#### Kolej Komuniti:

- Suapan data penyertaan daripada Sistem ePSH dan Statistik Pencapaian Program/Aktiviti PSH oleh Unit PSH, Bahagian Kurikulum.

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

- Politeknik: Penyelaras KPI di institusi
- Kolej Komuniti: Pelaporan pelaksanaan oleh Pemilik Proses di Unit PSH Bahagian Kurikulum

### Pegawai Bertanggungjawab:

- Politeknik: Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan di institusi
- Kolej komuniti: Unit PSH (Ketua Unit PSH/Pensyarah PSH/Penyelaras PSH) di institusi

### Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK		KOLEJ KOMUNITI	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	25,000	31,476	200,000	238,581
2019	25,000	36,663	150,000	222,675
2020	12,500	27,571	80,000	118,455
2021	12,500	34,999	75,000	140,024
2022	25,000	27,899*	150,000	153,280*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga September 2022.

### Pemilik Proses:

Bahagian Kurikulum (BK); Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK); Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN)

# KPI 16:

## Skor kualiti data POLYCC

### TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

#### Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

#### Definisi Operasi:

Skor Kualiti Data merujuk kepada skor yang diberikan berdasarkan penarafan bintang melalui Sistem e-Anjung MyMoheS.

Sistem e-Anjung MyMoheS yang telah dibangunkan terdiri daripada empat (4) modul asas iaitu:

- i. Modul Pelajar
- ii. Modul Staf
- iii. Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersilan; dan
- iv. Modul Maklumat Institusi

Skor kualiti data ini melibatkan kemasukan data POLYCC melalui Sistem CCMS, SPMP, e-SIS, SYRI dan CIDOS.

Pengumpulan dan penghantaran data oleh institusi melibatkan Modul Pelajar ke pangkalan data.

- a) Pengumpulan data pelajar POLYCC mestilah melalui sistem CCMS/SPMP.
- b) Penghantaran data melibatkan proses memuat naik data dari CCMS/SPMP ke dalam Sistem e-Anjung MyMoheS.

**Modul Staf** hanya melibatkan pengisian data melalui Sistem e-SIS di institusi masing-masing.

**Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersilan** pula melibatkan pengisian data melalui SYRI.

**Modul Maklumat Institusi** melibatkan maklumat pengarah, kemudahan OKU, aset ICT dan lain-lain.

Kesemua modul terlibat akan dimuat naik ke dalam Sistem e-Anjung MyMoheS. Walau bagaimanapun, di peringkat **institusi hanya perlu memuat naik data Modul Pelajar dan Modul Maklumat Institusi sahaja.**

Untuk makluman, Data Keluaran (Data Output Pelajar), Modul Staf dan Modul Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersilan (R&D) akan dimuat naik terus ke dalam sistem oleh pegawai bertanggungjawab di JPPKK.

Ciri-ciri data yang berkualiti mesti mempunyai elemen yang berikut:

- a) Ketepatan data
- b) Kesempurnaan data
- c) Konsistensi data
- d) Kredibiliti data
- e) Kekinian data

#### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
	86%	86%	86%	86%	86%	86%

# KPI 16:

## Skor kualiti data POLYCC

### Justifikasi:

i. Merujuk kepada MPJPPKK Bil. 3/2023 bertarikh 17 Mac 2023 telah mencadangkan pernyataan bagi KPI tersebut iaitu Skor Kualiti Data POLYCC dengan sasaran sebanyak 86% (bersamaan dengan 4 bintang).

### Kaedah Pengukuran:

Proses penghantaran data oleh pegawai bertanggungjawab (PIC) di institusi mestilah melalui Sistem e-Anjung MyMoheS.

Data yang diambil kira adalah merujuk kepada pelaporan prestasi kualiti data dari KPT sebelum 31 Disember tahun semasa. Pemilik Proses di BKT VET akan mengedarkan Pelaporan Skor Kualiti Data MyMoheS kepada POLYCC. Seterusnya, Penyelaras KPI perlu memasukkan skor pencapaian dan memuat naik dokumen bukti tersebut melalui Sistem PERSIST 2.0.

Teras pengiraan skor *rating* berdasarkan:

- i. Ketepatan Data – 25%
  - Ketepatan data sintetik
  - Ketepatan data simentik
  - Risiko set data yang tidak tepat
- ii. Kesempurnaan Data – 25%
  - Kesempurnaan fail data
  - Kesempurnaan nilai data
  - Rekod *null* (Tiada data) dalam data fail
- iii. Konsistensi – 20%
  - Risiko data set yang tidak konsisten
  - Liputan ketekalan nilai data
  - Konsistensi simentik
- iv. Kredibiliti – 10%
  - Kredibiliti nilai
  - Kredibiliti sumber
- v. Kekinian – 20%
  - Kekekapan kemas kini
  - Ketepatan mematuhi tempoh penghantaran data

Markah Keseluruhan	Bintang
$x > 97.4$	★★★★★
$97.4 \geq x > 90.4$	★★★★☆
$90.4 \geq x > 85.4$	★★★★
$85.4 \geq x > 80.4$	★★★☆☆
$80.4 \geq x > 75.4$	★★★
$75.4 \geq x > 70.4$	★★★☆☆
$70.4 \geq x > 59.4$	★★
$59.4 \geq x > 29.4$	★
$x < 29.4$	

# KPI 16:

## Skor kualiti data POLYCC

### Dokumen Bukti:

Pelaporan Skor Kualiti Data MyMoheS POLYCC

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Jabatan HEP

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan/Timbalan Pengarah

### Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	-	-
2022	-	-

Nota:

\*Tiada trend pencapaian kerana pelaporan penarafan bintang Skor Kualiti Data baru diperkenalkan pada tahun 2023 untuk Politeknik dan Kolej Komuniti oleh Seksyen Data, KPT.

### Pemilik Proses:

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET)

# WAJARAN

## WAJARAN PEMARKAHAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAGI TAHUN 2023

BIL.	PERNYATAAN	SASARAN	WAJARAN					
			Premier & APACC	Konvensional	METRO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti	94%	10	10	10	10	10	10
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	8%	8	8	8	8	8	8
3	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma	80%	4	4	4	4	4	4
4	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	500	8	8	8	8	8	8
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	60	5	5	5	4	4	
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi	250	5	5	5	5	5	5
7	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	13,500	4	4	4	4	4	4
8	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC)	80%	PUO, PSA, PIS, POLISAS, POLIMAS, PPD, PTSB, PMM, PSIS, PSMZA, PMTG, PMJB, KK Baling, KK Selayang, KK Sungai Petani					
			6	6	6	4	4	
9	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	99%	10	10	10	10	10	10
10	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	95%	10	10	10	10	10	10
11	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	40%	8	8	8	8	8	8
12	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	350	6	6	6	6	6	6
13	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa	880	6	6	6	5	5	5
14	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa	80	6	6	6	4		
15	Bilangan penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat pada tahun semasa	175,000	4	4	4	10	10	10
16	Skor kualiti data POLYCC	86%	5	5	5	5	5	5
<b>TOTAL :</b>			<b>105</b>	<b>105</b>	<b>105</b>	<b>105</b>	<b>101</b>	<b>93</b>

Nota: Jumlah markah yang kurang daripada 100 akan diselaraskan kepada pemarkahan 100%.

# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail

## **PENASIHAT**

Ts. Abdul Razak bin Sabtu

## **PENGERUSI**

Siti Masliza binti Mohd Nawawi

## **KETUA PENYUNTING & REKA BENTUK**

Md Idris bin Isa

## **PENYUNTING**

Noorul 'Ain binti Md Shariff  
Nor Maisarah binti Ali @ Abdul Aziz  
Nor Adila Hanim binti Ab Kadir

## **PENYEMAK PRUF**

Dr. Rasmuna binti Hussain  
Nurainah binti Abu Bakar  
Ts. Fatin Shafinas binti Rokman  
Arasy bin Masut@Masod

## **PENULIS**

Dr. Asnizah binti Sahekhaini, Ts. Mornizawati binti Abdullah,  
Wan Marina binti Wan Mohd Nowalid, Syaiful Afdzal bin Ramli, Amalulhair bin Sarbini,  
Khairun Nisa binti Azimi, Roszita binti Shamsuddin, Ts. Nur Farhana binti Mustahidin,  
Siti Zubaidah binti Ibrahim, Nur Sabrina binti Mohd Tahar, Norazmira binti Zainuddin,  
Nor Salasiah binti Mat Rashid, Nuraini binti Khalil, Firdaus bin Hassan,  
Mohamad Ali bin Hamzah, Shamsanirul Nizam bin Ismail, Haryaty Sua Liya binti Sukimin,  
Mohd Fetri Husaini bin Hussin, Iza Kasmiza binti Kasmijan, Nik Afiqah binti Kamil,  
Nor Akmaliah binti Mohd Zain, Nurain binti Mohamad Izzuan Wong, Khalsa Afariza binti  
Mohd Apami@Mohd Affami, Wan Hartiny binti Wan Abdul

# PENGHARGAAN

Pihak Unit Kecemerlangan Institusi (UKI), BGK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang idea serta kepakaran dalam membangunkan Kamus KPI JPPKK 2023. Penghargaan ini ditujukan kepada:

Ketua Pengarah: Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail  
Pengarah Kanan (Akademik): Mohd Noor bin Shahudin  
Pengarah Kanan (Kompetensi): Roslee bin Yahya  
Pengarah BKTVET: Dr. Shamsuri bin Abdullah  
Pengarah BPPI: Ts. Haji Muhamad Rumzi bin Mamat  
Pengarah PPI: Dr. Riam A/P Chau Mai  
Pengarah BGK: Ts. Abdul Razak bin Sabtu  
Pengarah BKIK: Yusma binti Yusof  
Pengarah BK: Dr. Norhayati binti Zakaria  
Pengarah BIPD: Y.M. Tengku Besaruddin Shah bin Tengku Yaakob  
Pengarah BPN: Dr. Norhayati bt Ibrahim  
Pengarah BKPK: Ts. Zainab binti Othman  
Pengarah BAPP: Noranyza binti Mohamad Yusoff  
Pengarah BKP: Khairil Anuar bin Karim  
Ketua Unit UKK: Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin  
Timbalan Pengarah PPICT: Ts. Dr. Anuar bin Hassan

Ts. Zainab binti Ahmad, Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat, Ts. Noor Aidi binti Nadzri, Salmah binti Haji Ijam, A. Azman bin Arshad, Muhammad Sani Bin Che Idris, Azirin bin Abdul Aziz @ Nong, Ts. Dr. Robert @ Kert Swee Tian, Dr. Reezlin bin Abd Rahman, Muhammad Andie bin Mamat, Nooriza binti Ibrahim, Nor Uyuni Hamdi binti Ahmad @ Ahmad Mahdi, Dr. Faudzi bin Muhammad, Dr. Norhadi bin Muda, Dr. Siti Nor Afzan binti Buyadi, Syaiful Afdzal bin Ramli, Khairuddin bin Mohd Amin, Khairul Ashraf bin Muhamad, Nabihan binti Mohd Hamid

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kamus KPI JPPKK 2023.

# DAFTAR SINGKATAN

KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
TVET	Technical and Vocational Education and Training
APACC	Asia Pacific Accreditation and Certification Commission
CDIO	Conceive Design Implement Operate
CILT	Chartered Institute of Logistics and Transport
COT	Centre Of Technology
eSPKP	Sistem Pengukuran Kecekapan Prasarana
HRDF	Human Resources Development Fund
IAC	Industry Advisory Committee
iGFMAS	Integrated Government Financial Management and Accounting System
IMO	International Maritime Organization
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JKIK	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPI	Key Performance Indicator
LSI	Latihan Sangkutan Industri
MAMPU	Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit
MLK	Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian & Program Latihan Politeknik
NGO	Non Government Organization
OEE	Overall Equipment Efficiency
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PeNA	Penaziran Akademik
PISH	Pembelajaran Islam Sepanjang hayat
PK&K	Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan
PPPM 2015-2025 (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi)
PRIP	Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PSPKK	Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti
R&D	Research and Development
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SIP	Sangkutan Industri Pensyarah
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
WBL	Work Based Learning
WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
DAN KOLEJ KOMUNITI**

Galeria PjH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 W.P. Putrajaya  
T: 603 8888 2250  
F: 603 8888 7211



<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk>